

# Rezeki tangkap anak ikan kelah



Muhammad Syahrizal (kiri) bersama Muhammad Sharil Hakim melakukan aktiviti menyauk anak ikan kelah merah di Sungai Belukar Bukit, Hulu Terengganu.

Aktiviti berkenaan biasanya dilakukan pada sebelah petang selepas waktu persekolahan.

Biarpun sekadar hobi, tiga sahabat berjaya hasilkan duit poket sendiri

## HULU TERENGGANU

Hobi menangkap anak ikan kelah merah membolehkan tiga sahabat dari Kampung Bukit di sini menambah duit poket bagi perbelanjaan ke sekolah, sekali gus meringankan beban ibu bapa masing-masing.

Biasanya, Muhammad Syahrizal Aiman Abdullah, 14, bersama rakannya, Muhammad Sharil Hakim Mat Nawang, 12, dan Muhammad Faizal Ikhwan Ismail, 11, akan keluar mencari spesies ikan sungai itu pada waktu petang selepas tamat waktu persekolahan.

Muhammad Syahrizal Aintan berkata, mereka menggunakan penapis air bagi menyauk anak ikan kelah merah yang banyak terdapat di sepanjang Sungai Belukar Bukit dan setiap seekor dijual antara 30 dan 40 sen bergantung kepada saiz.

"Jualan tak menentu, tengok nasib berapa jumlah anak ikan yang berjaya ditangkap. Paling banyak yang pernah saya dapat RM200, itu pun setelah sehari suntuk menyauk ikan.

"Ramai pembeli yang sudah kenal saya akan datang ke sini bagi mendapatkan anak ikan kelah. Biasanya ia dijual semula pada harga lebih tinggi untuk pasaran luar," katanya ketika ditemui di sini.

Muhammad Sharil Hakim pula berkata, kehairahan mereka dengan hobi itu bagaimanapun tidak menjejaskan pelajaran kerana aktiviti tersebut hanya dilakukan pada musim cuti sekolah, cuti umum atau waktu

petang sahaja.

"Saya akan pastikan semua kerja sekolah siap, baru boleh keluar cari anak ikan di sungai. Emak dan ayah selalu ingatkan saya agar tidak terlalu leka dengan hobi ini," kata murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Betong di sini itu.

Sementara itu, Hafidah,

Othman, 48, yang merupakan ibu kepada Muhammad Faizal Ikhwan berkata, dia memahami minat anaknya itu, namun sentiasa mengingatkan agar menitikberatkan aspek keselamatan sepanjang berada di sungai.

"Syukur, hobi ini sekurang-kurangnya dapat memberi pendapatan kepada dia bagi membeli

apa sahaja yang diinginkan. Jumlah yang diperoleh bukan perkara utama.

"Hobi ini juga secara tidak langsung dapat menjauhkan mereka daripada gajet yang menjadi kegilaan anak-anak zaman sekarang, selain dapat mendidik mereka menghargai alam semula jadi," katanya. - *Bernama*



Dari kanan: Muhammad Faizal Ikhwan, Muhammad Syahrizal Aiman dan Muhammad Sharil Hakim mencari anak ikan kelah merah di Sungai Belukar Bukit, Hulu Terengganu.